



**KERAJAAN MALAYSIA**

**PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA**

---

**KEMUDAHAN CUTI ISTERI BERSALIN**

---

**VERSI 1.0 (2022)**

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA**

Diedarkan kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan  
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan



## CERAIAN SR.5.4.2

### KEMUDAHAN CUTI ISTERI BERSALIN

#### TUJUAN

1. Ceraian ini bertujuan menetapkan peraturan berkaitan kemudahan Cuti Isteri Bersalin kepada pegawai Perkhidmatan Awam.

#### LATAR BELAKANG

2. Pemberian kemudahan Cuti Isteri Bersalin kepada pegawai Perkhidmatan Awam adalah seperti diperuntukkan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2002: Kemudahan Cuti Isteri Bersalin.

#### PELAKSANAAN

3. Kemudahan Cuti Isteri Bersalin hendaklah dilaksanakan seperti berikut:
- a. kemudahan ini boleh diberi selama tujuh (7) hari sebagai cuti tanpa rekod, kepada pegawai Perkhidmatan Awam lelaki untuk membantu urusan ketika isterinya bersalin;
  - b. cuti ini hendaklah bermula pada tarikh isteri pegawai bersalin atau pada hari berikutnya jika isterinya bersalin selepas waktu pejabat;
  - c. tempoh cuti ini termasuk semua hari rehat dan hari kelepasan am. Bagi maksud Ceraian ini, masa selepas waktu pejabat juga terpakai bagi hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am.
  - d. kemudahan ini dihadkan kepada lima (5) kali sepanjang tempoh perkhidmatan;
  - e. kemudahan ini adalah tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan dan Ketua Jabatan boleh memanggil balik pegawai jika ketiadaan pegawai di tempat kerja boleh memudaratkan keselamatan negara atau kepentingan awam; dan
  - f. kemudahan ini hendaklah dicatatkan dalam rekod perkhidmatan pegawai.



#### SR.5.4.2

4. Kemudahan ini juga dipanjangkan kepada pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang diarah bertugas semasa cuti penggal persekolahan atau bertugas semasa penggal persekolahan.
5. Pegawai yang menggunakan kemudahan ini hendaklah mengemukakan salinan perakuan bersalin isterinya kepada Ketua Jabatan.

#### **PEMBATALAN**

6. Dengan berkuatkuasanya Ceraian ini, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2002: Kemudahan Cuti Isteri Bersalin adalah **dibatalkan**.

#### **PEMAKAIAN**

7. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Ceraian ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA



**KEMUDAHAN CUTI ISTERI BERSALIN  
PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA  
(CERAIAN SR.5.4.2)**

Ketua Hakim Syarie,  
Jabatan Kehakiman Syariah Selangor,  
Bangunan Mahkamah Syariah Sultan Idris Shah,  
Persiaran Masjid, Seksyen 5,  
40000 Shah Alam.

Melalui:

Ketua Bahagian/Ketua Unit/Ketua Pejabat Mahkamah Rendah Syariah :

.....  
.....

Saya .....memohon cuti tanpa rekod selama ..... hari  
mulai ..... hingga ..... Cuti tersebut adalah bagi membantu  
urusan semasa isteri bersalin pada ..... jam ..... pagi / petang /  
malam . (Sila sertakan salinan perakuan isteri bersalin)

Alamat semasa bercuti : .....  
.....  
.....

Tandatangan : .....  
Jawatan : .....  
Jabatan : .....  
No. Telefon : .....  
No. Pekerja : .....  
Tarikh : .....

Ketua Jabatan :

Disahkan dan \*disokong/tidak disokong oleh :

.....  
**(DATO' MOHAMMAD ADIB BIN HUSAIN DPMS., SMS., AMN.)**  
Ketua Hakim Syarie,  
Jabatan Kehakiman Syariah Selangor.

Tarikh : .....